



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGETAHUAN PEDAGOGI KANDUNGAN DALAM PENGAJARAN FIQH DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA DI KELANTAN

NUR ARIFAH BINTI ROSLI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**PENGETAHUAN PEDAGOGI KANDUNGAN DALAM PENGAJARAN FIQH DI
SEKOLAH MENENGAH AGAMA DI KELANTAN**

NUR ARIFAH BINTI ROSLI



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپنیرسیٹی فنڈیڈیقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (/)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12 Februari 2025.

i. Perakuan pelajar:

Saya, **NUR ARIFAH BINTI ROSLI (M20221001621)**, dari **FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN** dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk **PENGETAHUAN PEDAGOGI KANDUNGAN DALAM PENGAJARAN FIQH DI SMKA NEGERI KELANTAN** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta yang telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

(NUR ARIFAH BINTI ROSLI)

ii. Perakuan Penyelia

Saya, **PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PENGETAHUAN PEDAGOGI KANDUNGAN DALAM PENGAJARAN FIQH DI SMKA NEGERI KELANTAN** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh ijazah **SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)**.

Tarikh: 20/3/2025

PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونڤوسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERJA PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **PENGETAHUAN PEDAGOGI KANDUNGAN DALAM PENGAJARAN
FIOH DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA DI KELANTAN**

No. Matrik / Matric's No.: **M20221001621**

Saya / I : **NUR ARIFAH BINTI ROSLI**

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (/) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (/) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD/OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 20/3/2025

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad S.A.W, keluarganya, para sahabat dan pengikutnya yang sentiasa setia mengamalkan Sunnahnya. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah rahmatnya dapat saya menyempurnakan tugas latihan ilmiah ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam).

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak ternilai saya rakamkan kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Norhisham bin Muhamad di atas budi baik meluangkan masa untuk membimbing, mendorong dan memberi tunjuk ajar sepanjang tempoh menyiapkan latihan ilmiah ini. Tidak ketinggalan, ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada barisan pensyarah Jabatan Pengajian Islam yang telah banyak mencurahkan ilmu dan tunjuk ajar, para sahabat sepengajian yang banyak memberi bantuan dan semangat dan guru-guru SMKA di negeri Kelantan yang sudi melibatkan diri untuk kajian ini.

Jutaan terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada ayahanda tercinta, Rosli bin Mohamed dan ibunda tersayang, Sabariah binti Mat di atas segala jasa, sokongan, kasih sayang dan doa yang mereka panjatkan. Tidak ketinggalan juga kepada adik beradik, Adilah, Azimah, Amiruddin, Aisyah dan Atikah serta ahli keluarga yang lain atas doa dan dorongan yang diberikan dalam menjayakan pengajian ini. Tidak lupa juga kepada sahabat-sahabat, Luqman, Fathinah, Dalila, Nashrah, Anisa, Nabila, Ain Nisrina, Nadia, Husna, Nurin dan sahabat lain yang memberikan kata semangat dikala diri ini hampir berputus asa, Akhir kalam, diharap agar kajian ini sedikit sebanyak mendatangkan faedah dan menjadi rujukan kepada pelbagai pihak. Segala kekurangan adalah daripada diri saya sendiri. Moga Allah merahmati dan memberikan sewajarnya di atas kebaikan anda semua.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pedagogi kandungan (PPK) bagi pengajaran fiqh dalam kalangan guru pendidikan Islam di SMKA negeri Kelantan. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan sampel kajian dijalankan secara persampelan seluruh populasi yang melibatkan 50 orang guru pendidikan Islam (GPI) yang mengajar di SMKA negeri Kelantan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang mengandungi 50 item soalan. Kesahan data ditentukan dengan menubuhkan panel rujukan pakar seramai 4 orang. Melalui kajian rintis yang dijalankan, kebolehpercayaan alat kajian berdasarkan alfa Cronbach mendapati berada pada tahap tinggi, iaitu >0.97 . Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif menjelaskan tahap PPK dengan mendapatkan nilai kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Analisis inferensi pula melibatkan ujian-t dan ANOVA untuk menerangkan perbezaan antara pembolehubah kajian. Secara keseluruhannya, guru pendidikan Islam mempunyai tahap PPK yang tinggi dalam keempat-empat elemen PPK dalam pengajaran fiqh yang terdiri daripada elemen pengetahuan kandungan (min=4.39, sp=0.42), pengetahuan pedagogi (min=4.33, sp=0.44), pengetahuan terhadap pelajar (min=4.12, sp=0.47) dan kemahiran psikologi (min=4.34, sp=0.43). Analisis ujian-t merentas jantina ($p=0.258$, $p>0.05$) dan latar belakang universiti ($p=0.551$, $p>0.05$) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kesemua aspek tersebut. Manakala, analisis ANOVA dalam aspek pengalaman mengajar ($p=0.264$, $p>0.05$) dan kelayakan ikhtisas ($p=0.552$, $p>0.05$) juga mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan bagi tahap pengetahuan pedagogi kandungan guru pendidikan Islam dalam pengajaran fiqh. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan PPK dan kemahiran psikologi guru pendidikan Islam dapat meningkatkan kualiti pengajaran fiqh dengan signifikan. Implikasinya, model PPK yang mengetengahkan kemahiran psikologi sebagai salah satu strategi PdP boleh diaplikasikan oleh para guru bagi meningkatkan lagi kefahaman pelajar dalam pengajaran fiqh.



PEDAGOGICAL CONTENT KNOWLEDGE OF FIQH TEACHING IN RELIGIOUS SECONDARY SCHOOL IN KELANTAN

ABSTRACT

This research identified the level of pedagogical content knowledge (PCK) of Fiqh teaching among Islamic education teachers (IET) in SMKA Kelantan. Quantitative approaches with survey design were used for this research. The sample selection involved a total population sampling of 50 teachers were involved in this research. The survey data were obtained by using the questionnaire instrument. The validity of the data was determined by establishing reference from a panel of experts by 4 people. As a result, it was found that the reliability of the instrument that was assessed via Cronbach's alpha had been high, which was >0.97 . The quantitative data were analyzed descriptively and inferentially. Descriptive data were analyzed by calculating frequency, percentage, mean and standard deviation. Inferential analysis included t-test and ANOVA to explain differences of variables. Overall, the teachers had high level of PCK in the four elements which is content knowledge (mean=4.39, sd=0.42), pedagogy knowledge (mean=4.33, sd=0.44), knowledge of students (mean=4.12, sd=0.47) and psychological skills (mean=4.34, sd=0.43). The analysis of t-test across gender ($p=0.258$, $p>0.05$) and university background ($p=0.551$, $p>0.05$) portrayed that no significant difference in all those aspects. Meanwhile, the analysis of ANOVA in teaching experiences ($p=0.264$, $p>0.05$) and professional qualification ($p=0.552$, $p>0.05$) also depicted that was insignificant difference for Islamic education teachers' level. Therefore, the research concludes that PCK and psychological skills of Islamic education teachers significantly enhance the quality of teaching of fiqh. The implication is that the PCK model, which emphasizes psychological skills as one of the teaching strategies could be applied by teachers to further enhance students' understanding in the learning of fiqh topic.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	3
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Tujuan Kajian	15
1.5 Objektif Kajian	16
1.6 Persoalan Kajian	16
1.7 Hipotesis Kajian	17
1.8 Kerangka Teori Kajian	18
1.9 Kerangka Konseptual Kajian	21
1.10 Kepentingan Kajian	26
1.11 Batasan Kajian	28
1.12 Definisi Tajuk Operasional	30
1.12.1 Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK)	30
1.12.2 Pengetahuan Pedagogi	31
1.12.3 Pengetahuan Kandungan	31
1.12.4 Pengajaran	32
1.12.5 Fiqh	32
1.12.6 Guru Pendidikan Islam	33
1.13 Penutup	33



**BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	34
2.2	Konsep Pendidikan Islam	35
2.3	Konsep Fiqh dalam KSSM di Malaysia	38
2.4	Model PPK Menurut Shulman	40
2.5	Adaptasi Model PPK Menurut Ibnu Khaldun	43
2.6	Konsep PPK dalam Pendidikan	53
	2.6.1 Pengetahuan Kandungan	56
	2.6.2 Pengetahuan Pedagogi	61
	2.6.3 Pengetahuan Terhadap Pelajar	65
	2.6.4 Kemahiran Psikologi	68
2.7	Faktor Pemboleh Ubah Tidak Bersandar	73
2.8	Kajian-Kajian Lepas	75
2.9	Penutup	82

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	83
3.2	Reka Bentuk Kajian	84
3.3	Instrumen Kajian	85
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	87
3.5	Kajian Rintis	88
3.6	Kesahan Instrumen Kajian	89
3.7	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	90
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	92
3.9	Kaedah Penganalisan Data	93
3.10	Penutup	96

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	97
4.2	Profil Responden Kajian	98
4.3	Analisis Statistik Deskriptif	99
	4.3.1 Tahap PPK GPI dalam Pengajaran fiqh	100
	4.3.2 Rumusan Tahap PPK GPI	120
4.4	Analisis Statistik Inferensi	122
	4.4.1 Normaliti Data	122



4.4.2 Analisis Inferensi	123
4.5 Penutup	128
BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN	
5.1 Pengenalan	129
5.2 Ringkasan Kajian	130
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	131
5.3.1 Analisis Deskriptif	132
5.3.2 Analisis Inferensi	145
5.4 Rumusan Keseluruhan	148
5.5 Implikasi Kajian	150
5.6 Cadangan	153
5.7 Penutup	158
RUJUKAN	159
LAMPIRAN	174

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Organisasi Kandungan KSSM Pendidikan Islam	37
3.1	Taburan item-item soal selidik	86
3.2	Skala Likert	86
3.3	Sekolah yang terlibat & bilangan guru	88
3.4	Jadual Interpretasi Nilai Alpha Cronbach	91
3.5	Nilai Pekali Kebolehppercayaan Alpha Cronbach	91
3.6	Interpretasi nilai min bagi setiap konstruk	95
3.7	Kaedah Analisis Statistik Inferensi	96
4.1	Profil GPI	99
4.2	Tahap Kesediaan Guru	101
4.3	Tahap Pengetahuan Substantif	103
4.4	Tahap Pengetahuan Sintaktik	104
4.5	Tahap Penyampaian Guru	106
4.6	Tahap Pengetahuan Pendekatan Pengajaran	108
4.7	Tahap Pengetahuan Kaedah Pengajaran	110
4.8	Tahap Pengetahuan Mengenai Maklumat Umum Pelajar	113
4.9	Tahap Pengetahuan Tentang Gaya Pembelajaran Pelajar	115
4.10	Tahap Pengetahuan Komunikasi Interpersonal	117
4.11	Tahap Pengetahuan Targhib dan Tarhib	119
4.12	Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan GPI	121
4.13	Normaliti Data Bagi Analisis Perbezaan (sampel guru)	123
4.14	Ujian-T Perbezaan Tahap PPK Berdasarkan Jantina	125
4.15	ANOVA Sehala Tahap PPK Berdasarkan Pengalaman Mengajar	126
4.16	Ujian-T Perbezaan Tahap PPK Berdasarkan Latar Belakang Universiti	127
4.17	ANOVA Sehala Tahap PPK Berdasarkan Kelayakan Ikhtisas	128





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka teori Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) Ibnu Khaldun (2000) yang diadaptasi oleh Teori Shulman	19
1.2	Kerangka konseptual kajian dibina berdasarkan pengubahsuaian teori Shulman dan Ibnu Khaldun	25
2.2	Komponen Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK)	42





SENARAI SINGKATAN

FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GPI	Guru Pendidikan Islam
IYRES	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PCK	Pedagogical Content Knowledge
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPK	Pengetahuan Pedagogi Kandungan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAW	Sallallahualaihiwassalam
SGM	Standard Guru Malaysia
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SWT	Subhanallahu Ta'ala





SENARAI LAMPIRAN

- A** Surat Pengesahan Pelajar
- B** Surat Kelulusan Menjalankan Kajian daripada KPM
- C** Surat Kelulusan Menjalankan Kajian daripada JPN
- D** Borang Soal Selidik





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Pada era perkembangan globalisasi kini, pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh pelbagai sektor termasuklah sektor pendidikan. Pendidikan merupakan satu penanda aras terpenting dalam alaf permodenan yang menjadi penentu kualiti dan kekuatan generasi baru bagi menghadapi perubahan drastik dunia tanpa sempadan. Transformasi pendidikan yang menfokuskan kepada perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi telah membawa anjakan paradigma dalam kehidupan manusia. Bagi menghadapi masalah ini, pelbagai inovasi dan idea baru telah diperkenalkan terutamanya dalam menghadapi arus pembelajaran pada masa kini (Amirah Anuar & Khadijah Abdul Razak, 2022). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 telah





ditubuhkan bagi menempuh cabaran abad ke-21 yang menfokuskan kepada perkembangan dan penambahbaikan sistem pendidikan di Malaysia secara holistik.

Kecemerlangan dalam pendidikan abad ke-21 bergantung kepada kemahiran pendidik yang memiliki empat kompetensi iaitu pedagogi, profesional, keperibadian dan sosial (Ma'rufi, Ilyas & Salwah, 2018). Ini disebabkan oleh tahap kompetensi memerlukan guru menguasai mata pelajaran dan bahan pengajaran, berupaya mengendalikan strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP), membangunkan personaliti dan profesionalisme keguruan yang cemerlang, mengenali pelajar dengan baik, serta menilai proses dan hasil PdP untuk menambahbaik pengajaran. Lebih-lebih lagi, pengajaran Pendidikan Islam yang berkualiti dan bermakna memerlukan guru yang berusaha menguasai pengetahuan yang mendalam bagi mengembangkan kefahaman pelajar dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar.

Menyedari hakikat bahawa guru berperanan utama dalam melestarikan sistem pendidikan yang berkualiti, maka guru mestilah mempersiapkan diri dengan pengetahuan yang mendalam khususnya pengetahuan pedagogi dan pengetahuan isi kandungan untuk disampaikan dalam bilik darjah. Bertepatan dengan Maziahtusima Ishak, Musyid Arsyad dan Fathiyah Mohd (2021) menyatakan keperluan guru sebagai pemangkin perubahan sebagaimana yang dikehendaki menerusi kerangka konsep Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan. Bidang ini dapat memberi peluang kepada guru bagi memantapkan kualiti pengajaran sekaligus meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Pengajaran fiqh juga bukan sekadar mempelajari hukum hakam agama semata-mata, malah nilai-nilai akhlak dapat diterapkan dalam diri pelajar.





Kesimpulannya, semua pihak perlu berkerjasama dalam melaksanakan transformasi pendidikan negara supaya perubahan yang berlaku dapat bergerak seiring dengan perkembangan zaman. Para guru juga perlu mempunyai kesediaan yang rapi dari segi ilmu pengetahuan dan kemahiran (*soft skill*) untuk diimplementasikan dalam proses PdP serta memiliki sikap yang positif dan terbuka dalam menerima pembaharuan ke arah perkembangan pendidikan. Penguasaan PPK sangat diperlukan bagi seorang guru kerana ia menjadi teras kepada keberkesanan pengajaran dan perlu diperkukuh untuk menghadapi gelombang dunia pendidikan (Nurmelda Patric & Roslinda Rosli, 2020). Oleh itu, GPI perlu bersedia menerima perubahan dengan meningkatkan nilai kompetensi dan profesionalisme sebagai pendidik.



1.2 Latar Belakang

Islam tidak pernah meminggirkan perkembangan terkini untuk menghasilkan pendidikan yang berkualiti. Walaubagaimanapun, amalan Rasulullah dalam kaedah PdP perlu dijadikan garis panduan dan rujukan bagi seorang pendidik. Hal ini demikian kerana Baginda ﷺ merupakan '*role model*' terbaik yang telah melahirkan generasi umat yang hebat dengan kejayaan pendidikan Baginda ﷺ. Menurut Abu Ghuddah (2011), Nabi Muhammad ﷺ ialah seorang guru dan pendidik teragung sepanjang zaman. Tujuan kerasulan Baginda SAW untuk mendidik dan membimbing manusia seperti dalam firman Allah SWT:





Maksudnya: “Dia-lah yang mengutus kepada kaum yang buta huruf seorang Rasul di antara mereka, yang membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka, menyucikan mereka dan mengajarkan mereka Kitab dan hikmah (As-Sunnah). Dan sesungguhnya mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan yang nyata”.

(Surah al-Jumu'ah 62:2)

Kegemilangan Baginda ﷺ memimpin umatnya daripada kegelapan jahiliah kepada umat yang sejahtera membuktikan keberkesanan pengajaran Rasulullah ﷺ melalui kaedah dan teknik yang mudah difahami serta memberi kesan terhadap diri pelajar. Baginda ﷺ tidak memiliki kaedah tertentu dalam mengajar, telah tetapi pendekatan pengajaran yang dilaksanakan mengikut kepada kesesuaian dan kemampuan pelajar. Pendekatan sebegini memudahkan pelajar menerima kandungan ilmu yang disampaikan oleh Rasulullah ﷺ (Yusuf al-Qardhawi, 2003).



Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) merupakan kenyataan realiti terhadap proses pendidikan yang selaras dengan matlamat pendidikan. Transformasi yang berlaku bukan sekadar meliputi struktur kurikulum pendidikan kebangsaan, malahan juga mewujudkan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) serta kelas aliran agama di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Menurut Ahmad Kilani (2003), pengenalan komponen akhlak dan adab dalam Kurikulum Pendidikan Islam (KPI) serta penentuan mata pelajaran elektif yang berorientasikan Islam telah merancakkan lagi usaha dan membantu menjayakan cita-cita FPK. Kesedaran telah kelemahan sistem pendidikan pada ketika itu telah





menggerakkan usaha golongan cendekiawan Islam bagi mencadangkan agar pihak kerajaan menyelaraskan sistem sekolah agama mengikut acuan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Bermula tahun 1970-an, Bahagian Pendidikan Islam di Kementerian Pelajaran mula mengorak langkah mengambil alih sekolah-sekolah agama di seluruh Malaysia dan menjadikannya SMKA (Hailan Salamun & Rahimah Ahmad, 2012).

Menurut Ibnu Khaldun, pendidikan adalah *hadarah* untuk membina dan membangunkan masyarakat yang bertamadun serta dididik dengan sifat-sifat universal bagi menjamin kemakmuran bumi (al-Nukmy, 1994). Selepas kemerdekaan, resolusi pendidikan telah dibentuk untuk membina semula corak pendidikan negara. KPI dibentuk untuk memberi pengetahuan agama kepada pelajar. Topik fiqh merupakan salah satu bidang yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam KSSM yang terdiri daripada bab ibadat, muamalat, munakahat dan jenayah (KPM, 2017). Bidang ini adalah komponen penting yang mesti diajarkan dan dipelajari oleh setiap pelajar di sekolah. Hal ini demikian kerana pembelajaran fiqh dapat melahirkan pelajar-pelajar yang taat kepada perintah dan larangan Allah SWT sekali gus berpengetahuan mengenai hukum-hukum syarak untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian melalui bimbingan, pengajaran, latihan, pengalaman dan amalan kebiasaan (Ulfatunnikmah, 2017). Pembelajaran fiqh juga saling berhubung kait dengan akhlak dan akidah seseorang Muslim kerana kekuatan keimanan kepada Allah SWT telah menjadikannya berpegang teguh dengan hukum-hukum Islam dan mengamalkannya dengan penuh ketaatan dan kerelaan (Al-Khin, Al-Bugho & Asy-Syarbaji, 1998).





Keberkesanan kualiti pengajaran bergantung kepada tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK), pengetahuan tentang pelajar dan kemahiran psikologi guru bagi mata pelajaran yang diajar (Ibn Khaldun, 2000). Pengetahuan dan kemahiran ini yang membezakan individu profesion guru dengan seseorang dari bidang profesion lain. Konsep PPK merupakan gabungan idea daripada Ibnu Khaldun (2000) yang dibahaskan dalam karyanya yang masyhur, iaitu Kitab *al-Muqaddimah* sebagai perspektif yang lebih luas tentang PdP. Perbahasan tersebut mengenai pemikiran pendidikan dari aspek pengetahuan kandungan, kaedah pengajaran, pengetahuan tentang keupayaan pelajar dan kemahiran psikologi guru. Penguasaan pengetahuan dan kemahiran ini amat berharga kerana ia antara ciri khas bagi seorang guru. Oleh itu, pendidik bertanggungjawab dalam menguasai dan menyampaikan ilmu kepada pelajar kerana proses perkembangan pelajar bergantung kepada pendidikan yang berlaku secara bertahap (Ibn Khaldun, 2000).



Secara kesimpulannya, seseorang guru yang profesional telah sentiasa berusaha memikirkan Solusi tentang bagaimana pendekatan terbaik untuk menyampaikan ilmu kepada para pelajarnya. Guru mestilah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang mendalam, kemahiran dan akhlak mulia untuk menjadikannya seorang yang mampu mengembangkan sistem pendidikan negara yang berkualiti. PPK dan kemahiran psikologi antara pendekatan yang membolehkan guru untuk memanipulasikan pengetahuan isi kandungan pelajaran kepada pelbagai bentuk kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan latar belakang dan kemampuan pelajar. Hal ini kerana guru dapat menterjemahkan dan mengubahsuainya mengikut pengetahuan





sedia ada, minat dan keupayaan pelajar supaya mereka dapat menguasai pembelajaran (Nurmelda Patric & Roslinda Rosli, 2020).

1.3 Pernyataan Masalah

Mutakhir ini, sistem pendidikan di Malaysia telah menghadapi perubahan yang ketara seiring dengan perkembangan zaman. Proses PdP semestinya banyak cabaran dan halangan yang membataskan kemampuan guru untuk melaksanakan tanggungjawab dengan baik. Bukan sahaja cabaran dalam pengajaran, malah cabaran ketika berdepan dengan pelbagai kerenah pelajar. Senario permasalahan yang sering berlaku antaranya kurang kefahaman isi kandungan kurikulum yang menjejaskan kualiti PdP (Catherine Masingan & Sabariah Sharif, 2019) di dalam bilik darjah.

Isu ini secara tidak langsung mempengaruhi keupayaan guru untuk menerangkan konsep pembelajaran dengan tepat dan menyebabkan pendidikan tidak disampaikan dengan lebih bermakna. Dalam pengajaran fiqh dalam pendidikan Islam, keadaan ini lebih membimbangkan kerana walaupun guru mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang kandungan, mereka masih kurang yakin untuk mengintegrasikan topik fiqh secara menyeluruh dalam pedagogi pendidikan Islam untuk menarik minat pelajar. Kajian oleh Firdaus Abdul Fatah et al. (2019) mendapati bahawa tahap pengetahuan isi kandungan fiqh dalam kalangan guru mata pelajaran Pendidikan Islam kurang memuaskan. Ini menyebabkan kegagalan guru dalam





menyampaikan pelajaran dengan cara yang sukar difahami oleh pelajar serta kurang mempunyai pemahaman semasa tentang kandungan pengajaran.

Hasil rujukan laporan analisis keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2020, Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) bagi subjek Pendidikan Islam ialah 4.26, manakala menurut laporan analisis keputusan peperiksaan SPM Tahun 2021, GPMP subjek Pendidikan Islam adalah 4.31. Kerisauan semakin memuncak dalam kalangan GPI apabila melihat statistik GPMP bagi subjek Pendidikan Islam semakin menurun di samping cabaran guru berdepan dengan pelajar generasi Alpha yang mempengaruhi kualiti pengajaran (Noornajihan Jaafar, 2019). Laporan ini membuktikan bahawa masih terdapat lompang dari aspek pengetahuan sama ada pengetahuan pedagogi mahupun isi kandungan yang masih perlu diperbaiki untuk memastikan kualiti PdP berada pada standard yang sepatutnya.

Selain itu, guru juga dilihat kurang memberikan penekanan terhadap penggunaan kepelbagaian kaedah untuk menyampaikan pengajaran mereka menyebabkan pelajar tidak memberi sepenuh tumpuan terhadap pembelajaran (Niveetha Mookan, Abdul Razaq & Norasmah Othman, 2021). Laporan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis (2017) terhadap guru TMUA (Tahfiz Model Ulul Albab) juga mendapati bahawa belum ada kaedah terkini yang digunakan seiring dengan peredaran zaman. Menurut Muhammad Fauzan dan Hafizhah Zulkifli (2020) menyatakan bahawa masih terdapat segelintir GPI yang menggunakan corak pengajaran yang sama, misalnya menjelaskan sesuatu tajuk dalam buku teks tanpa





bahan bantu mengajar (BBM) yang lain. Kebergantungan guru terhadap kaedah pengajaran tradisional mencetuskan keselesaan berpanjangan dengan gaya PdP itu.

Pernyataan ini disokong oleh Mat Isa N.S. dan Zamri Mahamod (2021), yang menyatakan bahawa guru sukar untuk menukar gaya pengajaran yang lebih berasaskan kaedah tradisional, iaitu berpusatkan guru semata-mata terutamanya dalam PdP. Dalam konteks pengajaran fiqh, jika kaedah ini masih diteruskan menyebabkan pelajar hilang fokus sehinggalah mereka tidak mampu untuk menguasai pelajaran yang disampaikan oleh guru serta berasa jemu untuk mengikuti pembelajaran. Masih juga terdapat guru yang kurang mevariasikan kaedah pengajaran dan masih menggunakan kaedah tradisional seperti kaedah ceramah, syarahan dan kuliah sebagai saluran untuk menyampaikan pengajaran fiqh (Norainah, 2012; Siti Astri et al., 2021). Justeru, kaedah pengajaran bagi topik fiqh seharusnya dimodenkan seiring dengan pendedahan pelajar terhadap aplikasi teknologi terkini. Dengan erti kata lain, pengajaran fiqh dalam pendidikan Islam ini perlu divariasikan dengan memanfaatkan kemudahan teknologi digital serba canggih ini bagi membangkitkan suasana PdP yang menarik.

Profesionalisme guru yang mantap adalah guru yang mempunyai kemahiran penyampaian isi kandungan dengan pedagogi yang pelbagai. Bermula dengan langkah set induksi, langkah pengembangan dan langkah penutup, guru harus memberikan perhatian khusus kepada pengajaran. Walaubagaimanapun, kajian oleh Nurul Ashikin, Chew F.P. dan Zuraidah Abdullah (2020) mendapati guru berhadapan dengan pelbagai masalah ketika mengendalikan PdP dalam bilik darjah kerana kelemahan dari segi kemampuan mengajar dan pengetahuan guru. Hal ini juga menyebabkan masalah beg





berat yang dibawa pelajar ke sekolah. Pelajar dikehendaki membawa beg yang beratnya antara tujuh hingga sepuluh kilogram yang mengandungi buku teks, buku latihan dan buku aktiviti untuk setiap subjek. Pembaharuan atau inovasi amat diperlukan oleh guru untuk mengubah proses pengajaran dengan kaedah yang sesuai, memastikan objektif pengajaran tercapai, dan mengurangkan beban yang dibawa oleh pelajar.

Tetapi, kajian daripada Nur Adibah dan Hafizhah (2021) mendapati terdapat segelintir GPI yang memandang enteng terhadap penerapan elemen inovasi dalam pengajaran subjek Pendidikan Islam. Tanpa inovasi dalam pengajaran telah menyebabkan berlakunya isu beg berat yang berlanjutan sekaligus memberi impak kepada masalah pembelajaran pelajar seperti malas pergi sekolah, tertinggal buku di rumah dan seterusnya terjadi keciciran pelajar. Dalam konteks pengajaran fiqh, guru seharusnya menekankan elemen kreativiti dan inovasi dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam kelas seperti pendekatan berpusatkan pelajar. Ini kerana topik fiqh antara komponen penting yang dapat membentuk keperibadian pelajar dengan memastikan kefahaman dan penghayatan nilai Islam yang jitu dalam PdP. Kajian daripada Md Hanafiah et al. (2019) mendapati guru perlu lebih kreatif dengan meningkatkan pengetahuan pedagogi dan kandungan untuk melaksanakan pelbagai kaedah pengajaran bagi menarik minat pelajar dalam aktiviti pembelajaran. Usaha ini penting kerana GPI tidak seharusnya membataskan sesuatu kaedah pengajaran tertentu sahaja kerana kepelbagaian kaedah boleh mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan kondusif.





Kegagalan sekolah untuk melaksanakan perubahan pedagogi juga dianggap sebagai salah satu cabaran yang mempengaruhi tahap PPK guru termasuklah dalam pengajaran subjek fiqh. Hal ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Md Hanafiah et al. (2019) bahawa pengurusan sekolah dan guru telah melakukan kesilapan apabila mereka lebih menumpukan perhatian kepada penambahbaikan reka bentuk kurikulum untuk mencapai objektif pembelajaran berbanding pendekatan yang mendorong pelajar melibatkan diri dengan lebih aktif sepanjang PdP. Pelajar juga turut merasa bosan dan tidak tertarik dengan pembelajaran jika strategi pengajaran masih di takuk lama tanpa inovasi baru (Siti Zeharah, Rozita Radhiah & Marzni Mohamed., 2021). Ini disebabkan oleh kekurangan pendedahan latihan profesional, yang menyebabkan guru menggunakan kaedah pengajaran tradisional semata-mata dan tidak berpuas hati dengan cara mereka mengajar.



Kenyataan Hannah Aqilah et al. (2019) mendapati cabaran dalam membangunkan profesional diri guru dan menambahbaik amalan pengajaran adalah sikap dan persepsi guru itu sendiri yang tidak berkehendak untuk mengasah kemahiran baru dalam diri. Sikap guru yang kurang yakin bahawa PPK mampu meningkatkan keberkesanan pendidikan terutamanya pengajaran fiqh. Guru beranggapan bahawa aktiviti pembelajaran menggunakan kepelbagaian kaedah pengajaran adalah menyukarkan kerana guru perlu merancang aktiviti tersebut supaya selaras dengan objektif pembelajaran di samping mengekalkan nilai hiburan (Daiana Thomas & Sofwan Mahmud, 2021). Hal ini kerana guru mempunyai pengetahuan yang cetek berkaitan PPK. Tambahan pula, pengajaran fiqh memerlukan persepsi dan contoh yang positif daripada guru untuk diikuti dan diteladani oleh pelajar dalam kehidupan seharian. Lantaran itu, guru hendaklah menunjukkan contoh tauladan kerana segala





tingkah laku guru telah dinilai oleh pelajar. Guru yang bersemangat dan yakin untuk meningkatkan tahap pengetahuan pedagogi kandungan topik fiqh telah melihat keberkesanan pembelajaran tersebut dengan kefahaman pelajar-pelajar.

Kefahaman konsep pengajaran fiqh perlu ditanam sejak awal persekolahan lagi kerana ia berperanan penting dalam pembangunan modal insan pelajar. Hal ini kerana topik fiqh merangkumi pembelajaran dari aspek ibadat, muamalat dan lain-lain yang telah diaplikasikan oleh pelajar dalam kehidupan seharian. Amali pembelajaran amat diperlukan bagi membiasakan pelajar dengan amalan yang boleh membentuk keperibadian mereka seperti amali solat, haji, bersedekah, bermuamalah dan sebagainya. Namun, kajian Abdul Munir Ismail (2018) mendapati bahawa praktikal amali atau simulasi serta penggunaan bahan bantu mengajar kurang dipraktikkan oleh segelintir GPI di sekolah menengah. Dengan erti kata lain, pendekatan pengajaran bersifat sehalu sahaja dan fokus utama hanyalah untuk mengejar silibus, tanpa mengambil kira kefahaman pelajar terhadap kandungan pelajaran yang disampaikan. Ini kerana guru juga masih melaksanakan aktiviti PdP ke arah peperiksaan semata-mata dan mengejar silibus telah menyebabkan pelajar kurang meminati mata pelajaran pendidikan Islam.

Kajian oleh Artika Rasul dan Hasmadi Hassan (2019) mendapati bahawa GPI lemah dalam aspek pengetahuan terhadap latar belakang pelajar. Ini menunjukkan bahawa sesetengah GPI masih memandang enteng latar belakang keluarga dan maklumat peribadi pelajar. Hal ini juga termasuk sikap guru yang tidak mengambil berat tentang pelaksanaan ibadah pelajar mereka atau perkara asas Fardu Ain dan Fardu





Kifayah ketika berada di luar sesi persekolahan. Menurut Mohd Yusri (2005), guru yang gemar meluahkan rasa marah kepada pelajar tanpa *tabayyun* (usul periksa) lebih suka melaksanakan PdP dalam keadaan serius tanpa menggunakan humor. Situasi ini menyebabkan pelajar tidak berminat untuk mengikuti pembelajaran Pendidikan Islam. Lebih-lebih lagi apabila guru hanya bersoal jawab tentang pelajaran semata-mata tanpa mengaitkannya dengan kehidupan seharian pelajar.

Berdasarkan data statistik berkaitan penglibatan dan tangkapan juvana dalam jenayah indeks yang dilaporkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, seramai 34,143 orang remaja yang berumur antara 13 hingga 18 tahun telah terlibat dalam kes juvana yang melibatkan kes jenayah harta benda dan jenayah kekerasan di seluruh Malaysia bagi tahun 2016 hingga 2022. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sejumlah 23,569 kes yang melibatkan pesalah juvana dalam kalangan remaja Melayu beragama Islam. Justeru, laporan statistik ini membuktikan majoriti remaja yang terlibat dalam kes ini adalah dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang menerima pendidikan Fiqh dalam subjek Pendidikan Islam termasuklah pendidikan akidah dan ibadah di sekolah.

Namun, sekiranya pendidikan tersebut tidak diamalkan, mereka mudah terjerumus dalam perkara mungkar. Lebih-lebih lagi, remaja ini berada di fasa di mana mereka ingin mencuba sesuatu yang baru, inginkan kebebasan dan perhatian dalam setiap perkara (Noor Izzati et al., 2020). Kajian daripada Muhammad Suhardi Jusoh (2004) mendapati bahawa gejala sosial yang berleluasa dalam kalangan remaja Islam adalah disebabkan oleh kegagalan mereka menguasai ilmu asas Fardu Ain iaitu solat





dan pengabaian ibadah fardu solat menyebabkan keruntuhan akhlak dan mereka lebih mudah terjebak dalam kegiatan *lagha* berbanding remaja yang istiqamah dalam melaksanakan solat. Justeru, topik fiqh pendidikan Islam adalah suatu disiplin ilmu yang saling berintegrasi antara pengetahuan, amalan dan penghayatan.

KPI termasuklah topik fiqh yang meliputi ibadat, muamalat, munakahat dan jenayah perlu dikuasai oleh para guru bagi meningkatkan penguasaan dan penghayatan dalam kalangan pelajar agar dapat menjadi benteng kepada mereka untuk menghadapi masalah sosial. Isu delinkuen ini juga berlaku disebabkan pelajar tidak menghayati nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian (Ismah et.al., 2022). GPI memainkan peranan untuk menyelitkan isu semasa tentang kesan gejala sosial yang berlaku di depan mata dan menggunakan kemahiran psikologi dari segi komunikasi interpersonal terhadap pelajar semasa proses PdP dalam pengajaran fiqh. Pemahaman guru mengenai psikologi pendidikan mampu mewujudkan interaksi positif serta membantu guru memahami perilaku pelajar (Rudi Haryadi & Cindi Cludia, 2021). Psikologi dan kemahiran komunikasi interpersonal mempunyai hubungan yang erat untuk memahami perilaku, sifat dan emosi seseorang sekaligus memudahkan proses penyampaian isi kandungan topik fiqh. Kajian daripada Noor Shamshinar Zakaria et al. (2019) mendapati bahawa guru kurang kemahiran komunikasi interpersonal menyebabkan hubungan guru dan pelajar menjadi jauh dan hambar. Masalah ini menyebabkan guru tidak mampu untuk memberi panduan, tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat kepada pelajar ke arah kebaikan dalam mendalami pendidikan fiqh.





Berdasarkan pernyataan masalah ini, sekiranya tahap PPK GPI dalam pengajaran fiqh tidak dipantau secara menyeluruh oleh pihak sekolah, maka ianya telah menjejaskan mutu pendidikan negara yang berkualiti. Hal ini demikian kerana, pengkaji berpendapat bahawa PPK berperanan penting untuk menarik perhatian dan minat pelajar mendalami ilmu-ilmu agama, melicinkan proses PdP, mengelakkan kebosanan serta membantu pelajar memperoleh pengalaman belajar yang berfaedah. Selain itu, penguasaan pengetahuan yang mendalam juga dapat meningkatkan suasana pembelajaran yang lebih kolaboratif, di mana guru dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran yang memberi input positif dan pengajaran berkesan kepada pelajar.

1.4 Tujuan Kajian



Secara amnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana tahap pengetahuan pedagogi kandungan guru Pendidikan Islam di SMKA dalam pengajaran fiqh. Kajian ini juga ingin mengetahui perbezaan antara tahap pengetahuan pedagogi kandungan GPI dalam pengajaran fiqh berdasarkan faktor jantina, pengalaman mengajar, latar belakang universiti dan kelayakan ikhtisas.





1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini dijalankan bertujuan mencapai objektif seperti berikut:

- 1) Menenal pasti tahap pengetahuan isi kandungan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran fiqh.
- 2) Menenal pasti tahap pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dalam pengajaran fiqh.
- 3) Menenal pasti tahap pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap profil pelajar dalam pengajaran fiqh.
- 4) Menenal pasti tahap kemahiran psikologi guru Pendidikan Islam terhadap pelajar dalam pengajaran fiqh.
- 5) Menenal pasti perbezaan tahap pengetahuan pedagogi kandungan guru Pendidikan Islam berdasarkan faktor demografi seperti:
 - a) Jantina
 - b) Pengalaman mengajar
 - c) Latar belakang universiti
 - d) Kelayakan ikhtisas

1.6 Persoalan Kajian

Bagi mencapai tujuan dan objektif di atas, kajian ini dirangka bagi menjawab beberapa soalan kajian seperti berikut:





SK1 Apakah tahap pengetahuan isi kandungan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran fiqh?

SK2 Apakah tahap pengetahuan pedagogi guru Pendidikan Islam dalam pengajaran fiqh?

SK3 Apakah tahap pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap pelajar dalam pengajaran fiqh?

SK4 Apakah tahap kemahiran psikologi guru Pendidikan Islam terhadap pelajar dalam pengajaran fiqh?

SK5 Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan pedagogi kandungan guru Pendidikan Islam berdasarkan faktor demografi?



1.7 Hipotesis Kajian

Bagi mencapai objektif ini, penyelidik membina empat hipotesis nol seperti berikut:

Ho¹ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pengetahuan pedagogi kandungan GPI dalam pengajaran fiqh berdasarkan faktor jantina.

Ho² Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pengetahuan pedagogi kandungan GPI dalam pengajaran fiqh berdasarkan faktor pengalaman mengajar.



Ho³ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pengetahuan pedagogi kandungan GPI dalam pengajaran fiqh berdasarkan faktor latar belakang universiti.

Ho⁴ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pengetahuan pedagogi kandungan GPI dalam pengajaran fiqh berdasarkan faktor kelayakan ikhtisas.

1.8 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori adalah suatu set gambar rajah berkaitan perhubungan idea antara elemen-elemen penyelidikan serta sebagai rujukan bagi melaksanakan sesuatu penyelidikan (Sufean Husin, 1995). Kajian ini mengemukakan kerangka teori yang dimodifikasi daripada Teori Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) atau *Pedagogy Content Knowledge* (PCK) oleh Shulman (1986) dan Teori Malakah oleh Ibn Khaldun (2000). Ia terdiri daripada empat perspektif PPK iaitu pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan terhadap pelajar dan kemahiran psikologi di mana ia telah membentuk PPK dalam kalangan GPI. Ia juga menjadi asas kepada penyelidikan ini untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pedagogi kandungan dalam kalangan Guru Pendidikan Islam SMKA di Negeri Kelantan.


Konsep *Pedagogical Content Knowledge* (PCK) atau Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) merupakan konsep pengajaran dalam bidang pendidikan. Model PPK adalah berdasarkan kepada idea asal Shulman (1986, 1987) yang menjadi teori asas terhadap pengetahuan dan kefahaman yang diperlukan oleh guru untuk meningkatkan pengetahuan pedagogi kandungan bagi menghasilkan pengajaran dan

pembelajaran yang berkesan. Model ini dibina berdasarkan kajian kes yang bertajuk *Knowledge Growth in Teaching* yang telah dijalankan dalam kalangan guru sekolah menengah (Mardziyah Abd Rahim, 2022).

Teori daripada tokoh sarjana Islam ini dipilih kerana Ibnu Khaldun merupakan pelopor pemikiran moden dalam pelbagai bidang dan banyak menyumbang dari aspek pendidikan. Pandangan beliau tentang pendidikan merupakan hasil pengalaman beliau dalam menimba ilmu pengetahuan sehingga menjadi seorang sarjana dan tokoh ilmunan yang disegani. Beliau juga melakukan perbincangan tentang isu-isu pendidikan termasuklah komponen-komponen pengetahuan guru yang menjurus ke arah elemen PPK dalam pengajaran fiqh.

Rajah 1.1

Kerangka teori Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) Ibnu Khaldun (2000) yang diadaptasi oleh Teori Shulman (1986)





Konsep PPK ialah konsep pengajaran dalam bidang pendidikan. Model PPK dibangunkan berdasarkan kepada gabungan PPK oleh Shulman (1986) dan malakah Ibnu Khaldun (2000) yang menjadi teori asas terhadap pengetahuan dan kefahaman guru untuk meningkatkan pengetahuan pedagogi kandungan bagi menghasilkan PdP yang berkesan. PPK adalah suatu pengetahuan khusus bagi seseorang guru kerana ia saling berhubung antara pengetahuan pedagogi dan pengetahuan kandungan sesuai dengan keupayaan pelajar. Secara umumnya, pengetahuan pedagogi adalah pengetahuan tentang kaedah, teknik, strategi atau proses pengajaran. Pengetahuan kandungan pula ialah pengetahuan berkaitan isi kandungan sesuatu mata pelajaran yang telah dipelajari dan diajarkan.

Selain itu, Ibn Khaldun (2000) menyarankan agar setiap orang guru mempunyai kesediaan mendalam tentang pengetahuan kandungan sebelum mengajarkan sesuatu topik kepada pelajar. Pengetahuan ini memainkan peranan kerana ia menjadikan pengajaran berjalan dengan efektif seiring dengan peningkatan tahap kepercayaan dan kehormatan pelajar terhadap guru. Ibn Khaldun menekankan agar penyampaian pengajaran guru dilakukan dengan pendekatan yang pelbagai untuk meningkatkan kefahaman pelajar (Ahmad Sunawari Long, 2015). Menurut Ibn Khaldun (2000), antara faktor penentu terhadap keberkesanan pengajaran isi kandungan dan pedagogi guru adalah dengan mengenal pasti ciri-ciri dan kebolehan pelajar.

Pengetahuan terhadap pelajar telah memudahkan guru menyampaikan isi kandungan pelajar mengikut kemampuan pelajar sekaligus mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif. Kemampuan ini penting dalam proses PdP kerana ia dapat





meningkatkan kefahaman pelajar berkaitan topik yang diajar serta dapat diaplikasikan oleh pelajar dalam kehidupan. Ibn Khaldun (2000) menegaskan bahawa pentingnya kemahiran psikologi khususnya bagi seorang pendidik kerana manusia tidak dapat menerima kandungan pembelajaran sekaligus dalam kuantiti yang banyak dan ia memerlukan pembelajaran secara bertahap daripada sederhana kepada kompleks. Guru dapat mengenali pelajar yang diajar berdasarkan kepada tahap pencapaian dan sikap mereka di dalam kelas. Pengetahuan ini memudahkan guru untuk menyesuaikan kaedah dan bahan pengajaran mengikut tahap kemampuan dan tingkat kefahaman pelajar.

Secara umumnya, teori ini merujuk kepada pengetahuan dan penguasaan seseorang guru dalam sesuatu bidang sehingga menjadi amalan atau kebiasaannya untuk diimplementasikan dalam proses PdP. Guru yang menguasai ilmu pengetahuan secara berterusan telah mewujudkan pemahaman sebenar terhadap ilmu tersebut dan kemudiannya membina kompetensi atau kemahiran (*skill*) yang tinggi dalam bidang yang diceburi. Kemahiran yang dilakukan berulang kali dapat melahirkan GPI yang berilmu, berbakat bersikap positif dan cemerlang dalam meningkatkan kualiti pengajaran. Berdasarkan kerangka teori ini, pengkaji menfokuskan kajian terhadap tahap pengetahuan pedagogi kandungan GPI.

1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Bertitik tolak daripada teori kajian, pengkaji membentuk kerangka konseptual yang terdiri daripada beberapa komponen. Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap PPK



GPI dalam pengajaran fiqh di SMKA. Dalam kajian ini, terdapat empat komponen PPK, menurut teori Shulman dan malakah Ibnu Khaldun, iaitu pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan, pengetahuan tentang pelajar dan kemahiran psikologi. Bagi mewujudkan PPK dalam pengajaran subjek fiqh, keempat-empat komponen ini telah bekerjasama antara satu sama lain. Tahap PPK GPI dalam pengajaran subjek fiqh telah menjadi rendah jika elemen PPK diabaikan.

Pembolehubah bersandar dan tidak bersandar (bebas) adalah dua pembolehubah yang tersedia. Faktor demografi dianggap sebagai pemboleh ubah bebas berdasarkan kerangka konseptual, manakala pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan, pengetahuan tentang pelajar dan kemahiran psikologi dianggap sebagai pemboleh ubah bersandar. PPK GPI dalam pengajaran subjek fiqh dijangka berkembang dengan cara yang berbeza mengikut beberapa faktor. Dalam kajian ini, faktor termasuk jantina, pengalaman mengajar, latar belakang universiti dan kelayakan akademik. Dijangkakelah perbezaan tahap PPK dalam kalangan GPI dipengaruhi oleh komponen ini. Misalnya, mungkin guru lelaki mempunyai tahap pengetahuan PPK yang lebih tinggi dalam pengajaran subjek fiqh berbanding guru perempuan, atau sebaliknya. Begitu juga dengan elemen demografi lain.

Ibnu Khaldun (2000) menyatakan bahawa usaha guru untuk memindahkan pengetahuan kandungan kepada cara yang berkesan dan mudah difahami oleh pelajar dikenali sebagai pengajaran yang berjaya dan efektif. Oleh itu, teori PPK adalah asas kajian ini. Oleh itu, guru mesti mempunyai kepakaran dalam subjek yang diajar serta pemahaman tentang "apa" yang diajar dan "bagaimana" untuk mengajar pelajar.



Keberkesanan pengajaran ditentukan oleh PPK ini. Ibn Khaldun juga menekankan dua perkara yang penting untuk guru, iaitu ilmu pengetahuan yang bersesuaian dengan pelajar dan kaedah guru mengajar. Ibn Khaldun juga menasihati guru untuk mengumpul bahan rujukan daripada pelbagai sumber (Nurul Hamimi & Jahidih Saili, 2022). Hal ini secara tidak langsung membolehkan pengajar menyampaikan kandungan secara berterusan antara subjek.

Selain itu, pembelajaran yang efektif adalah yang dilakukan secara bertahap atau beransur-ansur (*tadrij*) (Ibnu Khaldun, 2000). Menurut Baiq Tuhfatul Unsi (2018), pengajaran *tadrij* sangat sesuai dengan keadaan psikologi manusia kerana pelajar tidak boleh menerima banyak maklumat sekaligus tetapi perlu mendapatkannya secara beransur-ansur. Misalnya dalam konteks pengajaran fiqh, kemahiran psikologi guru semasa PdP boleh membantu pelajar memahami bahan pelajaran dengan lebih baik agar pelajar dapat mengukuhkan pemahaman mereka tentang cara pelaksanaan tuntutan ibadah serta cara bermuamalah yang bersesuaian dengan syariat Islam. Hal ini kerana mereka juga memerlukan pembelajaran yang terdiri daripada nasihat dan bimbingan. Selain itu, Ibn Khaldun menggalakkan penggunaan pendekatan *targhib* dan *tarhib* dalam pengajaran sebagai cara untuk mengukuhkan dan meningkatkan proses pembelajaran melalui penggunaan pendekatan psikologi Islam, terutamanya dalam bidang fiqh (Ma'rufin, 2015). Oleh itu, untuk membolehkan *malakah*, kefahaman (*al-fahm*), dan memori (*al-wa'yu*) yang kekal dalam minda pelajar semasa mengajar subjek fiqh, pendidik memerlukan kemahiran psikologi.






Pembentukan kerangka konseptual diwujudkan bagi menjelaskan perkaitan antara pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan teori PPK Shulman dan teori malakah Ibn Khaldun (2000) yang bersesuaian dengan objektif kajian. Menurut teori ini, pengetahuan kandungan (PK) melibatkan kesediaan guru, pengetahuan substantif dan pengetahuan sintaktik. Pengetahuan pedagogi (PP) pula melibatkan penyampaian guru, pendekatan pengajaran dan kaedah pengajaran. Manakala, pengetahuan terhadap pelajar merangkumi pengetahuan berkenaan maklumat umum pelajar dan gaya pembelajaran. Kemahiran psikologi pula terdiri daripada komunikasi interpersonal dan pendekatan *targhib* dan *tarhib* sebagai peneguhan pembelajaran kepada pelajar. Selain itu, faktor demografi iaitu jantina, pengalaman mengajar, latar belakang universiti dan kelayakan ikhtisas turut dikaji untuk mengenal pasti perbezaannya dengan tahap pengetahuan pedagogi kandungan guru pendidikan Islam dalam pengajaran fiqh.



Rajah 1.2

Kerangka konseptual kajian dibina berdasarkan pengubahsuaian teori Shulman dan Ibnu Khaldun





1.10 Kepentingan Kajian

Terdapat pelbagai kepentingan dan manfaat daripada kajian ini kepada semua pihak antaranya ialah :

1.10.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Hasil kajian ini telah menyumbang input berkaitan pengetahuan pedagogi kandungan dalam kalangan GPI di SMKA dari sudut pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan, pengetahuan terhadap pelajar dan kemahiran psikologi. Kajian ini penting kerana mereka telah memberi lebih perhatian terhadap PPK dalam sesi pengajaran yang kelihatannya kurang diberi tumpuan sejak akhir-akhir ini. Maklumat ini adalah relevan dan boleh dijadikan garis panduan kepada pihak KPM bagi membentuk polisi mahupun rancangan pengajaran yang sesuai dan selaras dengan keperluan guru abad ke-21. Hasil kajian ini juga boleh digunakan oleh KPM bagi mengajurkan beberapa program yang bersesuaian untuk GPI bagi membolehkan mereka mendalami dan menguasai ilmu PPK dan kemahiran psikologi seiring dengan kehendak semasa. Pihak KPM juga perlu merancang program yang lebih menfokuskan kepada latihan kompetensi selaras dengan Standard Guru Malaysia (SGM) 2.0 supaya dapat meningkatkan tahap pembangunan profesionalisme untuk melaksanakan PdP dengan berkesan (KPM, 2023)





1.10.2 Sekolah

Kajian ini adalah relevan kepada pihak sekolah untuk menambah maklumat dan sebagai panduan dalam merangka program pembangunan staf dan meningkatkan kualiti guru. Program berkaitan pengetahuan Pendidikan Islam perlu disesuaikan dengan kepelbagaian kaedah pengajaran dan diambil perhatian. Seharusnya para guru menukar gaya pengajaran dengan menggabung jalin kaedah pengajaran tradisional dengan kaedah moden mengikut peredaran zaman selaras dengan era pendidikan masa kini. Melalui program anjuran sekolah, guru dapat meningkatkan kompetensi dengan kefahaman holistik untuk menyampaikan ilmu pengetahuan serta melahirkan guru yang berkebolehan dari pelbagai aspek, iaitu kemahiran berfikir yang kreatif dan inovatif, celik IT, berinisiatif, dan produktif. Ia juga dapat memberi kesedaran kepada semua pihak dalam sektor pendidikan bahawa betapa pentingnya PPK yang mendalam untuk melancarkan lagi pelaksanaan metod PdP dalam kalangan GPI.

1.10.3 Guru

Kajian ini mampu menjelaskan gambaran sebenar GPI berkaitan dengan tahap PPK dari sudut pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan, pengetahuan tentang pelajar dan kemahiran psikologi. Para pendidik dapat memanfaatkan tinjauan ini bagi memperbaiki dan meningkatkan kualiti pengajaran dengan menguasai PPK secara komprehensif. Dengan inisiatif sendiri melalui kefahaman PPK, GPI yang kreatif dapat menghasilkan BBM yang menarik dan tidak membosankan. Selain itu, hasil kajian ini dapat membantu guru merancang dan melakukan persediaan awal yang sistematik serta memberi input kepada guru untuk membuat refleksi pengajaran. Perancangan





pengajaran yang rapi dan teratur dengan PPK yang mantap dapat memberi lebih kemudahan serta mewujudkan suasana PdP yang menyeronokkan.

1.10.4 Pelajar

Kajian ini turut menjelaskan bahawa pentingnya penguasaan PPK dalam kalangan GPI terutamanya bagi meningkatkan kefahaman pelajar dalam ilmu Pendidikan Islam secara efektif. Kandungan Kurikulum Standard Menengah (KSSM) hendaklah disampaikan seiring dengan perkembangan semasa dalam arus pendidikan supaya PdP Pendidikan Islam tidak ketinggalan. Pelajar juga dapat mengetahui kaedah-kaedah yang boleh digunakan sekaligus dapat memberi cadangan penambahbaikan pengajaran kepada guru mereka supaya dapat merencanakan lagi Sektor Pendidikan Negara.

Dengan penguasaan dan pengetahuan pedagogi kandungan, proses pembelajaran Pendidikan Islam dapat berjalan dengan lancar dan berkesan seiring dengan perkembangan pendidikan abad ke-21 masa kini. PPK boleh memberi sumbangan terhadap perkembangan potensi pelajar untuk mempelbagaikan kemahiran dalam diri pelajar tersebut selari dengan matlamat KPM menerusi visi dan misinya.

1.11 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai batasan yang menghadkannya dengan kajian-kajian lain, antaranya ialah:





1.11.1 Fokus Kajian

Kajian ini terhad kepada PPK pengajaran fiqh dalam kalangan guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam sahaja. Namun begitu, guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah juga terlibat sebagai responden kerana pengajaran fiqh juga terkandung dalam subjek tersebut selain Pendidikan Islam. Justifikasi bagi pengajaran fiqh adalah kerana pendidikan fiqh merupakan suatu ilmu dan kurikulum yang dapat memantapkan akhlak, keperibadian, amalan dan pengetahuan individu mengenai hukum syarak untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian khususnya dalam tuntutan ibadah dan bermuamalah yang sempurna sesuai dengan syariat Islam.



1.11.2 Lokasi Kajian

Kajian ini membataskan kepada sekolah menengah biasa atau harian yang mempunyai kelas aliran agama di negeri Kelantan. Kelantan Darul Naim dipilih sebagai lokasi kajian utama kerana ia merupakan sebuah negeri yang terkenal dengan pusat perkembangan ilmu pengetahuan terutamanya ilmu-ilmu agama sehingga negeri ini diberi gelaran negeri ‘serambi mekah’. Pengkaji memilih semua SMKA di jajahan Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Bachok dan Machang yang terdiri daripada 6 buah sekolah sahaja. Justeru, sekolah menengah swasta, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), SABK, sekolah menengah teknik, Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan lain-lain sekolah yang tiada kelas aliran agama tidak terlibat dalam kajian ini.





1.11.3 Subjek Kajian

Kajian ini membataskan kepada guru yang mengajar dua mata pelajaran, iaitu Pendidikan Islam dan Pendidikan Syariah Islamiah sahaja. Ini demikian kerana hanya kedua-dua subjek tersebut sahaja yang mengandungi pembelajaran topik fiqh. Sehubungan itu, guru-guru yang mengajar selain daripada subjek-subjek tersebut tidak telah termasuk dalam penyelidikan ini.

1.12 Definisi Tajuk Operasional

Beberapa istilah perlu diperjelas secara terperinci dari aspek operasional kajian bagi memudahkan perbincangan. Berikut merupakan beberapa definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini:

1.12.1 Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK)

Shulman (1987) mendefinisikan Pengetahuan Pedagogi Kandungan sebagai kebolehan seseorang guru dalam memanipulasikan pengetahuan isi kandungan yang dimilikinya dalam bentuk pengajaran yang sesuai dengan kemampuan dan latar belakang pelajar. Penguasaan pengetahuan ini memberi peluang kepada guru untuk menyampaikan isi kandungan pelajaran dalam kaedah pengajaran yang mudah difahami pelajar. Justeru, PPK dalam kajian ini merujuk kepada bagaimana guru Pendidikan Islam menggunakan pengetahuan Pendidikan Islam yang dimilikinya untuk diterjemahkan dalam proses pengajaran dengan kaedah-kaedah tertentu.





1.12.2 Pengetahuan Pedagogi (PP)

PP bermaksud perkara-perkara asas dalam membuat perancangan pengajaran, strategi dan pengurusan pengajaran serta pengurusan kelas semasa melaksanakan pengajaran (Shulman, 1987). Umumnya, pedagogi merupakan teras kualiti PdP yang meliputi prinsip, teknik dan proses pengajaran. Selain itu, PP juga didefinisikan sebagai pengetahuan tentang cara seseorang belajar dan bagaimana pembelajaran dapat dipermudah, iaitu termasuk gaya pembelajaran, gaya kognitif dan proses kognitif dalam pembelajaran (Kreber & Cranton, 2000). Dalam konteks kajian ini, pengetahuan pedagogi adalah pengetahuan guru mengenai kepelbagaian pendekatan dan kaedah pengajaran yang disesuaikan mengikut kefahaman pelajar, pengurusan bilik darjah dan motivasi diri pelajar untuk belajar.



1.12.3 Pengetahuan Kandungan (PK)

PK didefinisikan sebagai pemahaman tentang sesuatu mata pelajaran sebagai satu disiplin ilmu iaitu aspek pengetahuan yang berkaitan teori, konsep dan prinsip sesuatu disiplin pembelajaran atau mata pelajaran (Shulman, 1986). Law dan Muhammad Sofwan (2021) berpendapat bahawa PK ialah pengetahuan tentang isi kandungan mata pelajaran yang dipelajari dan diajar. Pengetahuan kandungan dalam kajian ini merujuk kepada guru yang memiliki pengetahuan mengenai kurikulum terkini Pendidikan Islam, isi kandungan yang terdapat di dalam buku teks meliputi pengetahuan substantif dan sintaktik, rujukan dengan orang pakar dalam Pendidikan Islam dan sumber rujukan terkini untuk meningkatkan pemahaman pendidikan Islam.





1.12.4 Pengajaran

Faizah Ja'apar (2017) mendefinisikan pengajaran sebagai pemilihan sesuatu kaedah atau strategi dalam proses menyusun maklumat, aktiviti, pendekatan dan media untuk membantu pelajar mencapai objektif yang telah ditetapkan. Manakala, menurut Ibnu Khaldun (2000) pula pengajaran boleh berlaku secara semula jadi berpandukan kepada pengalaman dan fitrah. Guru berperanan penting dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam PdP. Dalam kajian ini, pengajaran yang dimaksudkan oleh pengkaji adalah suatu proses penyebaran ilmu dan kemahiran secara sistematik berlandaskan kaedah pengajaran, aktiviti pembelajaran dan bahan media yang dipersembahkan kepada para pelajar dalam pengajaran fiqh.



1.12.5 Fiqh



Terminologi fiqh secara literalnya bermaksud memahami dan mengetahui secara terperinci tentang sesuatu, lazimnya dalam ilmu agama kerana ia merupakan dasar dan tunjang bagi setiap ilmu (al-Nadwi, 1998). Imam al-Baydawi mendefinisikan fiqh sebagai ilmu mengenai hukum-hukum syarak yang bersifat amali yang diambil dari dalil-dalil tafsili (bersifat juz'i) (al-Baydawi, 1969). Justeru dalam konteks kajian ini, Fiqh adalah bidang yang terkandung dalam sukatan pelajaran Pendidikan Islam yang merangkumi bab ibadat, muamalat, munakahat dan jenayah.





1.12.6 Guru Pendidikan Islam

Guru Pendidikan Islam atau nama singkatannya GPI mempunyai definisi yang sama dengan makna guru. Tetapi, yang membezakannya adalah GPI mempunyai kepakaran khusus dalam bidang Pendidikan Islam. Menurut Ahmad Tarmizi (2016), Guru Pendidikan Islam merupakan individu yang berperanan bukan sahaja menyampaikan ilmu pengetahuan, bahkan turut menjalankan tugas sebagai pendidik dan pendakwah dalam menyampaikan risalah Allah SWT dan Rasul-Nya. Oleh itu, GPI dalam kajian ini merujuk kepada guru yang dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dengan opsyen Pendidikan Islam dan kelompoknya seperti bahasa Arab, Tasawwur Islam, Pendidikan Syariah Islamiah, Usuluddin, Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah dan Guru Kemahiran Al-Quran/ KKQ. GPI yang dikaji dalam kajian ini adalah mereka yang bertugas di SMKA di negeri Kelantan.



1.13 Penutup

Seara umumnya, bab pertama ini membincangkan secara terperinci tentang pengenalan kajian, latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan, objektif dan persoalan kajian yang turut menjadi garis panduan utama pengkaji dan rujukan bagi bab-bab seterusnya. Dalam bab ini juga, pengkaji menyatakan hipotesis kajian ini serta menghuraikan tentang pentingnya kajian ini dijalankan dengan beberapa penjelasan mengenai batasan kajian. Pengkaji juga mengetengahkan kerangka teori kajian dan diikuti dengan kerangka konseptual kajian sebagaimana yang dilakarkan dalam bentuk rajah serta istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini di bawah tajuk definisi operasional.

